



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	8/1/2020	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

PENJUALAN AIR ZAMZAM

Niaga air free

Oleh Mohd Amin Jalil am@hmetro.com.my

Seremban

“Air zamzam diambil dari Masjidil Haram di Makkah secara percuma dan dibawa balik (ke Malaysia) untuk diminum kerana ia adalah air yang terbaik. Kenapa pula air itu hendak diniagakan?” ujar Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd Yusof Ahmad.

Beliau mempersoalkan aktiviti penjualan air zamzam secara berleluasa di pasaran tempatan dibimbangi boleh dieksploitasi pihak tertentu untuk mendapatkan keuntungan mudah.

Menurutnya, air zamzam diambil dari Makkah, Arab Saudi secara percuma untuk diminum kerana air itu adalah yang terbaik berbanding air biasa.

Katanya, adalah tidak sesuai air zamzam diambil dan dibawa ke negara ini semata-mata untuk diniagakan bagi mendapatkan keuntungan.

“Tidak sesuai sama sekali air zamzam yang diambil untuk diniagakan kerana apabila aktiviti itu dijalankan, sudah tentu kemungkinan ada kalangan pihak tertentu yang cuba mengeksploitasinya untuk menda-

Usah beli ‘air tiruan’

Air zamzam dikategori air mineral semula jadi termaktub peraturan makanan



LAPORAN Harian Metro, semalam.

patkan keuntungan. “Kemungkinan ada pihak yang berkenaan menggunakan air paip yang dibotolkan, tetapi mendakwa ia adalah air zamzam bertujuan bagi mengaburi pengguna,” katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas langkah Kementerian Kesihatan yang menasihatkan orang ramai supaya tidak membeli air dilabel sebagai air zamzam di pasaran tempatan kerana dikhua-tiri tiruan.

Kelmarin, Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya menegaskan bahawa air zamzam dikategorikan sebagai air mineral semula jadi dan termaktub mengikut Peraturan

360A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Mengulas lanjut, Mohd Yusof berkata, tindakan kementerian terbabit menghalang orang ramai membeli air itu adalah tepat kerana air zamzam tidak sesuai diniagakan.

Beliau berkata, tindakan proaktif kementerian terbabit akan dapat memastikan orang ramai tidak terperangkap dengan kerakusan pihak tertentu atau peniaga yang ingin mendapatkan keuntungan mudah.

“Kenapa pula air itu hendak diniagakan?” Mohd Yusof

